

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

April 1995

FEL 304 - Dadah & Masyarakat

Masa: 2 jam

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan **4** muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

1. (A) Bincangkan rasional pemberian (a) metadon, (b) naltrekson dan (c) nalokson kepada penagih dan bekas penagih heroin.
(12 markah)
 - (B) Bincangkan corak penggunaan dalam penagihan (a) heroin dan (b) amfetamin. Bincangkan juga bagaimana ini menghasilkan kesan toksik akibat penggunaan kronik.
(13 markah)
2. Terangkan apa yang dimaksudkan oleh pernyataan-pernyataan berikut:
- (i) Kemajuan teknologi telah menyebabkan peningkatan masalah dadah di beberapa negara.
 - (ii) Morbiditi yang diinduksikan oleh dadah telah membangkitkan beberapa masalah perubatan dan sosial.
 - (iii) Psikoterapi membentuk komponen penting dalam rawatan penagihan dadah.
 - (iv) Penggunaan dan penyalahgunaan dadah terbuka kepada berbagai interpretasi dalam berbagai sistem budaya.

(25 markah)

.....3/-

3. Terangkan unsur-unsur penting dalam

- (i) pengalaman psikedelik
- (ii) detoksifikasi penagih-penagih heroin.
- (iii) "conditioned-association triggers (CAT)" bersabit dengan penagihan dadah dan rawatan.
- (iv) psikosis akibat amfetamin.

(25 markah)

4. Beza dan bandingkan penggunaan alkohol dan nikotin mengikut topik-topik berikut:

- (i) Kesan penggunaan akut.
- (ii) Implikasi penagihan kronik jangka panjang.
- (iii) Rawatan penagihan.

(25 markah)

.....4/-

5. Bincangkan pelbagai pendekatan dalam rawatan penagihan dadah pada keseluruhannya.

Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan pendekatan-pendekatan ini dan terangkan bagaimana masalah-masalah ini dapat diatasi.

(25 markah)

oooOOOooo